

31/01/2004

Salah tafsir agama punca masyarakat pincang

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Kepincangan dalam masyarakat Islam seperti jenayah, penipuan, rasuah, penyalahdididik dengan ajaran Islam sebenar, sebaliknya menerima ajaran negatif akibat tafsiran salah, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, nilai Islam yang mulia yang dapat membentuk peribadi mulia dan persahabatan sesama umat Islam serta menolak kejahatan, jenayah, benci membenci dan huru-hara tidak dijelas dan ditekan ketika mendidik anak.

Sebaliknya, nilai yang bukan Islam seperti membenci orang tertentu, bermusuhan dengan orang Islam lain dan melempar fitnah yang boleh menjadi seseorang itu gagal mengawal perasaan apabila dewasa, diajar kepada mereka.

"Tidak hairanlah jika hari ini kepincangan dalam masyarakat Islam sukar dikawal. Sebabnya ialah ajaran Islam tidak pun diajar, jauh sekali daripada diamalkan. Sekali lagi yang salah bukan Islam tetapi salah ajaran agama," katanya berucap pada Istiadat Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Doktor Pemikiran Islam, Universiti Malaya (UM).

Terdahulu, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, yang juga Canselor UM menyampaikan anugerah itu kepada Dr Mahathir sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan idea beliau memajukan umat Islam.

Hadir sama ialah Pro-Canselor UM, Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah; Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Hashim Yaacob.

Anugerah ijazah kehormat seumpama itu adalah yang ketiga diterima Dr Mahathir daripada universiti tempatan sejak beliau bersara pada 31 Oktober lalu.

Pada 4 Disember lalu, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Pengurusan dan Kejuruteraan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, manakala pada 15 Januari lalu beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dr Mahathir berkata, keutamaan dalam pelajaran agama Islam selama ini ialah berhubung fardu ain, iaitu ibadat yang memberi pahala kepada diri sendiri serta doa meminta pertolongan dan nikmat daripada Allah, bukan bersyukur terhadap nikmat yang diterima.

Apa yang jelas, katanya, ialah ajaran Islam sebenar berkenaan pemerintah, pembangunan masyarakat atau individu diketepikan dan diganti dengan tafsiran dan ajaran negatif yang membawa kepada kelemahan dan kegagalan negara, masyarakat dan individu Islam.

Katanya, pembabitan pakar dalam bidang selain agama diperlukan kerana ilmu yang ada pada manusia sudah maju dengan pesat dan penolakan ilmu berkenaan mungkin membawa kesan buruk kepada umat dan agama Islam.

"Jika perogol dan pembunuh kanak-kanak dapat dikesan dan dikenal pasti melalui DNA, apakah kita akan membebaskannya kerana tidak ada saksi akan kejadian itu? Apakah pembebasannya menepati kehendak agama bahawa apabila menghukum, hukumlah dengan adil?" katanya merujuk kepada keupayaan sains forensik membuktikan penjenayah.

Dr Mahathir berkata, mempersoalkan tafsiran agama tidak bermakna mempersoalkan agama kerana tafsiran hasil penilaian dan kefahaman ulama atau yang mengaku ulama dan sebagai manusia biasa mereka tidak maksum atau tidak bebas melakukan kesilapan.